

02/12/1998

PM dijangka rasmi program menarik di Langkawi

LANGKAWI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan beberapa program menarik sempena lawatan rasminya ke Langkawi pada Sabtu dan Ahad ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) hari ini, Perdana Menteri dijadualkan bertolak dari Pelabuhan Klang, Selangor pada sebelah pagi dan dijangka tiba di Jeti Awana, Tanjung Malai, kira-kira jam 2 petang.

Sebaik tiba, beliau kemudian ke Dewan Pameran Mahsuri, Padang Matsirat untuk merasmikan Langkawi Air Carnival '98, antara acara yang diatur untuk meningkatkan industri pelancongan di pulau ini.

Sempena perasmian itu, Dr Mahathir akan menyaksikan pertunjukan udara termasuk terbang lintas pesawat pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia dan pertunjukan payung terjun.

Pertunjukan udara anjuran Lada dan Kelab Rekreasi Udara Langkawi itu akan membabitkan 200 juruterbang. Sehingga kini, 60 pesawat terdiri daripada pelbagai jenis pesawat ringan mengesahkan untuk mengambil bahagian.

Dari Padang Matsirat, Perdana Menteri akan ke Awana Porto Malai untuk merasmikan Jalur Gemilang sebelum menghadiri jamuan malam di Hotel Helang, Padang Matsirat.

Pada jam 8.30 pagi keesokannya, Dr Mahathir dijadualkan melawat projek kelong di Berjaya Langkawi Beach Resort diikuti lawatan ke beberapa tapak projek lain di sekitar Langkawi.

(END)